

▼27/11/17-04MST

U GB 27-11 00193 BA254

AAB

Mahathir - Dasar

DASAR PANDANG KE TIMUR AKAN DITERUSKAN SELAGI BERMANFAAT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Dasar Pandang Ke Timur yang dilancarkan kerajaan pada tahun 1982 akan diteruskan selagi negara ini mendapat manfaat daripadanya.

"Selama kita mendapat manfaat daripada Dasar Pandang Ke Timur, kita akan terus pandang ke timur," katanya ketika ditanya pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian Projek Kenderaan Perdagangan Nasional, di sini hari ini.

Projek itu ialah usahasama Hyundai Motor Company dari Korea Selatan (30 peratus), Pesumals (M) Sdn Bhd, anak syarikat Koperasi Polis (30 peratus), Berjaya Group Berhad (20 peratus) dan Hyumal Motor Sdn Bhd (20 peratus).

Dr Mahathir diminta mengulas lanjut ucapannya pada majlis itu yang turut menyentuh kekecewaan Malaysia kerana hanya sebilangan kecil syarikat Korea Selatan melabur di negara ini, berbanding Jepun dan Taiwan, walaupun Dasar Pandang Ke Timur sudah dilancarkan sekian lama.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir juga kecewa kerana terdapat sesetengah pelabur Korea Selatan, selepas dibantu kerajaan Malaysia mendapatkan sesuatu projek, meninggalkan negara ini sebaik sahaja selesai projek masing-masing.

-- Lagi.

▼27/11/17-15MST

U GB 27-11 00147 BA255

AAB

Mahathir - Dasar 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Baru-baru ini ketika merasmikan Sekolah Jepun Kuala Lumpur di Subang Jaya, dekat sini, Perdana Menteri berkata, Dasar Pandang Ke Timur telah memperlihatkan peningkatan mendadak pelaburan Jepun di negara ini. Pada masa yang sama, bilangan pelajar Malaysia juga bertambah ramai di negara itu.

Dr Mahathir juga diminta mengulas hasrat Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, untuk menemui beliau bagi membincangkan Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 yang diluluskan Dewan Undangan Negeri itu dua hari lepas.

Perdana Menteri berkata, beliau bersedia menemui Menteri Besar Kelantan itu pada bila-bila masa seperti mana kesediaannya menemui orang lain.

Semalam, Haji Nik Abdul Aziz menyatakan hasratnya menemui Dr Mahathir untuk membincangkan rang undang-undang itu yang akan membuka jalan kepada kerajaan negeri Kelantan melaksanakan hukum hudud. -- Bernama.

AH AZ.

▼27/11/17-16MST